

Hasan Ali "melanggar"

HM 24 NOV 1992

Oleh MARZUKI YUSOFF

Analisis BERITA

AHLI Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Dr. Hasan Ali, 52, sejak menyertai pembangkang begitu lantang mengkritik kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tetapi, banyak rakyat negara ini tidak menyedari bahawa Hasan ini sebenarnya penyanjung Dr. Mahathir dan Allahyarham Ayatollah Khomeini.

Dalam profil yang disiarkan akhbar *Berita Minggu* siaran 15 Mei 1994, Hasan yang dilahirkan di Klang, Selangor menyifatkan Dr. Mahathir sebagai

tokoh pemimpin berpandangan jauh.

Hasan yang pernah menjawat jawatan pegawai tadbir dan diplomatik selama 20 tahun juga menyatakan bahawa beliau paling tidak suka menceritakan kelemahan orang lain.

Kini, bekas Timbalan Ketua Pengarah Unit Penyelidikan Sosioekonomi di Jabatan Perdana Menteri yang sebelum ini banyak terlibat dalam prog-

ram motivasi remaja, sudah lupa apa yang pernah beliau cakapkan.

Beliau mengkritik habis-habisan Dr. Mahathir walaupun Hasan sendiri mungkin tahu wawasan jauh di sebalik apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri.

Hasan juga melanggar 'pantangnya' mencari kelemahan orang lain. Malah, beliau pada masa-masa tertentu, bersuara tinggi dan bercakap besar

- dua sifat yang amat dibenci oleh Allah dan junjungan besar Nabi Muhammad.

Lidah rasmi Pas, *Harakah*, pernah melaporkan bahawa Hasan Ali menyatakannya rasa hairan kerana setiap kali beliau berceramah, orang ramai penuh sesak mendengarnya.

Berbangga

Dalam satu majlis ceramah di Negeri Sembilan tidak lama dulu, Hasan seolah-olah berbangga kerana beribu-ribu orang datang mendengar ceramahnya walaupun tempat beliau berceramah itu dianggapnya tempat jin bertandang.

pantang

"Mungkin orang-orang bunian juga mahu dengar ceramah saya," kata Hasan.

Memang orang tidak menafikan kepetahan Hasan berpidato, tetapi di sisi Islam tidak sesiapa yang boleh mendabik dada tentang apa yang dikurniakan Allah kepadanya.

Hasan juga mengakui bahawa kelebihan yang ada pada dirinya adalah mudah meyakinkan orang lain. Sebab itulah ia memang dikenal sebagai penceramah motivasi.

Namun begitu, Hasan mungkin terlupa bahawa dulu, dia memang bekerja sepenuh masa sebagai pa-

kar motivasi dan bukan orang politik.

Kebanyakan peminatnya juga sudah boleh menilai sendiri peribadi sebenar Hasan. Beliau sekarang begitu lantang mengatakan kerajaan begitu zalim terhadap rakyat sedangkan dulu beliau dikenal rapat dengan "ejen-ejen" kerajaan yang turut mempopularkan namanya.

Lantang

Yang memelikkan lagi, kenapa baru sekarang Hasan begitu lantang menuduh kerajaan zalim dan itupun setelah Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat.

Apakah ukuran kezaliman pada pandangan Hasan hanya kepada seorang bernama Anwar atau memang ada udang di sebalik batu kerana Hasan sendiri dalam akhbar *Berita Minggu* berkata, kelemahan dirinya adalah meletakkan harapan terlalu tinggi terhadap orang lain.

Dalam pilihan raya ini, Hasan yang mengambil tempat Mat Sabu sebagai ayam sabung Pas akan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Burung, Selangor. Dengar khabarnya dia bersiap-siap untuk menjadi Menteri Besar.

Disebabkan Hasan ber-

tanding di Sungai Burung, eloklah dia bercakap berpada-pada kerana pepatah Melayu ada berkata: *Burung terbang jangan dipipiskan lada.*